

Hubungan antara Pembelajaran Profesional dengan Penerimaan Guru Terhadap Pelaksanaan Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah Daerah Sarikei

Hamsiah Kunggi* & Suhaida Abdul Kadir

Jabatan Pendidikan Sains dan Teknikal, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini bertajuk 'Hubungan antara Pembelajaran Profesional dengan Penerimaan Guru Terhadap Pelaksanaan Penerapan KBAT dalam kalangan Guru Sekolah Menengah Daerah Sarikei'. Kajian ini bertujuan untuk menentukan penerimaan guru terhadap penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Kajian ini juga akan membandingkan penerimaan guru sekolah menengah terhadap penerapan KBAT berdasarkan faktor demografi guru. Di samping itu, kajian ini turut ingin menentukan sama ada terdapat pertalian antara tahap pembelajaran profesional dengan penerimaan guru terhadap penerapan KBAT. Permasalahan kajian ialah penerimaan guru untuk mengaplikasikan dan menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam PdPc guru masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Jumlah sebenar semua populasi mengikut data daripada Sumber Unit Pengurusan Sekolah (UPS), Pejabat Pendidikan Daerah Sarikei (PPD) pada tahun 2017 ialah sebanyak 390 orang guru. Populasi kajian ini datangnya daripada lima buah sekolah menengah di daerah Sarikei. Daripada sampel ini, saiz sampel yang terdekat dengan jumlah 390 ialah 191 orang. Teknik persampelan yang digunakan ialah Teknik Rawak Mudah Berstrata (tidak berkadaran). Hasil analisis mendapati bahawa terdapat hubungan signifikan yang positif antara pembelajaran profesional dengan penerimaan guru terhadap pelaksanaan penerapan KBAT. Keseluruhannya, terdapat hubungan yang kuat, $r=0.646$, $p<0.01$ antara tahap pembelajaran profesional guru dengan penerimaan mereka terhadap pelaksanaan penerapan KBAT di sekolah menengah daerah Sarikei. Secara umumnya, pembelajaran profesional dan penerimaan guru sekolah menengah di daerah Sarikei berada pada tahap yang sederhana. Implikasi kajian ini terhadap guru dan sekolah ialah dapat memberi kesedaran kepada mereka agar meningkatkan penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran guru. Bagi pihak PPD, JPN dan KPM, kajian ini dapat memastikan tindakan penambahbaikan dapat dijalankan agar lebih banyak program pembelajaran profesional tentang penerapan KBAT didedahkan kepada guru-guru.

Kata kunci: KBAT, pembelajaran profesional, penerimaan guru, pengajaran dan pemudah cara, penerapan

ABSTRACT

This study entitled 'The Relationship between Professional Learning and Teacher Acceptance to the Implementation of Implementation Among Sarikei District Secondary School Teachers'. This study aimed to determine teachers' acceptance of the application of Higher Level Thinking Skills (HOTS). This study will also compare the acceptance of secondary school teachers to the implementation of HOTS based on the teacher demographic factors. In addition, this study also wanted to determine whether there is a relationship between the level of professional learning and teacher acceptance of HOTS implementation. The problem with the study is that the acceptance of teachers to apply and apply High Level Thinking Skills in PdPc teachers is still at an unsatisfactory level. The total number of all population according to data from the School Management Unit (PPD), Sarikei District Education Office (PPD) in 2017 was 390 teachers. The population of this study came from five secondary schools in Sarikei district. From this sample, the sample size closest to 390 was 191. The sampling technique used is the Simplified (non-proportional) Random Technique. The results showed that there was a significant positive relationship between professional learning and teachers' acceptance of the implementation of HOTS. Overall, there was a strong relationship, $r = 0.646$, $p < 0.01$ between the level of professional learning of teachers and their acceptance of implementation of HOTS implementation in Sarikei district secondary school. In general, professional learning and acceptance of secondary school teachers in the Sarikei area are at a moderate level. The implication of this study on teachers

* Corresponding author: kunggihams@gmail.com
eISSN: 2462-2079 © Universiti Putra Malaysia Press

and schools is that they can raise awareness of the application of Higher Thinking Skills in teaching and learning. the implementation of HOTS is revealed to teachers. For PPD, JPN and KPM, this study can give a gist of further improvements so that more activities of professional learning about HOTS implementation exposed to teachers.

Keywords: HOTS, professional learning, teachers' acceptance, learning and teaching, implementation

PENGENALAN

Kerajaan telah memperhebatkan usaha bagi meningkatkan kualiti pendidikan dengan menerapkan lebih banyak elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pembinaan sumber rujukan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) pelajar. Antara usaha pembinaan tahap pemikiran pelajar ke arah KBAT adalah melalui pedagogi berasaskan Pembelajaran Pelbagai Mod atau lebih dikenali sebagai *Blended Learning* yang merujuk kepada penyepaduan pendekatan pengajaran bersemuka dan pendekatan pengajaran dibantu teknologi bagi menyokong PdP Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) (KPM, 2013). Menyedari pelbagai cabaran yang bakal dihadapi oleh para pelajar pada era globalisasi ini, kerajaan telah mengambil pelbagai langkah yang reaktif dengan menambah baik dan menyemak semula kurikulum sekolah rendah dan menengah iaitu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). KSSR telah melalui semakan semula sejak dua tahun belakangan ini. Pelbagai elemen baharu dimasukkan ke dalam KSSM dan KSSR melalui dokumen yang dinamakan Dokumen Standard Kurikulum Pendidikan (DSKP). Sebelum adanya DSKP, sudah dimasukkan elemen kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, kemahiran Teknologi dan Komunikasi dalam KBSR dan KBSM. KBAT adalah kemampuan berfikir yang bukan hanya memerlukan kemampuan mengingat tetapi kemampuan berfikir secara kritis, analisis dan berupaya membuat penilaian. Kemahiran berfikir secara kritikal merupakan kemahiran yang diperlukan untuk mengumpul data dan maklumat yang diterima. Kemahiran ini memerlukan kemahiran menganalisis data, maklumat dan idea serta melibatkan kemahiran membanding, kemahiran mengklasifikasi, kemahiran menilai, kemahiran memberi penerangan, kemahiran meramal, kemahiran kesimpulan, dan generalisasi serta kemahiran merumus. Pembelajaran Profesional guru-guru di Malaysia boleh dikatakan dirangka dan dilaksanakan dengan aktif di seluruh negara, termasuklah di daerah Sarikei, Sarawak. Semua pihak dalam pendidikan seperti KPM, JPN, PPD, kumpulan SISC+, dan kumpulan guru-guru cemerlang perlu memainkan peranan masing-masing untuk memberikan pendedahan yang maksimum kepada guru-guru di sekolah. Kajian ini penting dalam memastikan pelbagai faktor yang berkaitan dengan penerimaan guru terhadap penerapan KBAT dan menentukan sejauh mana perkaitan pembelajaran profesional guru dengan penerimaan mereka untuk menerapkan KBAT di dalam bilik darjah.

Penyataan Masalah

Isu yang ingin dikemukakan ialah pembelajaran profesional perlu dirancang dan diamalkan dengan efektif supaya dapat memberikan kesan yang mendalam terhadap profesionalisme guru, termasuklah penerimaan guru terhadap pelaksanaan penerapan KBAT. Penerapan KBAT dalam PdPc guru di Daerah Sarikei berada pada tahap yang kurang memberangsangkan kerana guru-guru masih suka menggunakan kaedah tradisional. Soalan-soalan yang dikemukakan oleh guru kebanyakannya berada pada aras mengingat dan kurang memberikan peluang kepada murid untuk berfikir secara kreatif dan kritis. Zamri (2014) menyatakan amalan pengajaran di dalam bilik darjah kurang menekankan strategi kemahiran berfikir seperti kaedah penyoalan, perbincangan dan inkuiri penemuan. Situasi yang dapat dilihat di daerah ini tentang pembelajaran profesional guru boleh dianggap berada pada tahap yang baik. Pelbagai program telah diusahakan oleh pihak PPD dan bantuan kumpulan SISC+ dengan memberikan pelbagai informasi berguna terutama aspek penerapan KBAT. Namun, penerimaan guru untuk mengaplikasi dan menerapkan KBAT dalam PdPc mereka masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Hasil keputusan TIMSS dan PISA menunjukkan kedudukan negara yang tidak memberangsangkan sebelum ini telah menunjukkan penurunan skor yang ketara. Situasi ini telah mencetuskan pelbagai inisiatif untuk penambahbaikan kurikulum, pembelajaran dan pengajaran, latihan guru dan pentaksiran di peringkat kebangsaan (Dr. Ahmad Rafee Che Kassim, melalui Berita Harian: 24. Nov 2013). Pembelajaran profesional guru selalunya dikaitkan dengan kemahiran dan pengetahuan seseorang guru itu terhadap sesuatu perkara yang diperoleh sama ada atas usaha sendiri ataupun pihak tertentu yang memberikan pendedahan kepada mereka. Kajian tentang tahap perkembangan profesional guru adalah penting untuk membantu pihak seperti PPD untuk mengambil tindakan lebih lanjut bagi meningkatkan prestasi guru sekali gus mendidik para pelajar untuk berfikir di luar kotak. Dengan pelbagai input dan pendedahan dapat memastikan pembelajaran profesional sentiasa ditambah baik dan penerimaan mereka terhadap sesuatu perkara, program, ataupun dasar termasuk penerapan KBAT di dalam bilik darjah juga berada pada tahap yang memuaskan.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah:

1. Menentukan tahap penerimaan guru terhadap pelaksanaan penerapan KBAT di sekolah menengah daerah Sarikei.
2. Membandingkan tahap penerimaan guru sekolah menengah terhadap pelaksanaan penerapan KBAT berdasarkan faktor demografi (i.e., jantina, bangsa dan bidang pengajaran guru).
3. Menentukan tahap pembelajaran profesional guru di sekolah menengah daerah Sarikei.
4. Menentukan hubungan antara pembelajaran profesional dengan penerimaan guru sekolah menengah daerah Sarikei terhadap pelaksanaan penerapan KBAT.

Persoalan Kajian

1. Sejauh manakah penerimaan guru sekolah menengah terhadap pelaksanaan penerapan KBAT?
2. Adakah terdapat perbezaan penerimaan guru terhadap pelaksanaan penerapan KBAT berdasarkan demografi (jantina, bangsa, dan bidang pengajaran guru)?
3. Sejauh manakah tahap pembelajaran profesional guru?
4. Adakah terdapat hubungan antara pembelajaran profesional dengan penerimaan guru terhadap pelaksanaan penerapan KBAT?

SOROTAN LITERATUR

Penerimaan Guru

Menurut Y.R Subakti (2010), setiap pengetahuan atau kemampuan hanya dapat diperoleh atau dikuasai oleh seseorang apabila orang itu secara aktif mengkonstruksi pengetahuan atau kemampuan itu di dalam fikirannya. Antara paradigma teori konstruktivisme yang boleh dikaitkan dengan penerimaan guru ialah paradigma pengembangan kognitif dan kesedaran dan keperluan. Teori ini boleh dikaitkan dengan penerimaan guru terhadap KBAT kerana penerimaan guru juga banyak bergantung kepada dalaman diri atau kognitif diri guru itu sendiri untuk menyedari bahawa penerapan KBAT itu ada kebaikannya jika diamalkan. KBAT bukanlah suatu bentuk fizikal seperti teknologi tetapi KBAT merupakan suatu kemahiran yang memerlukan kognitif individu untuk menerima atau sebaliknya. Jika dalaman atau pemikiran guru itu tidak bersedia, maka secara kenyataannya mereka tidak akan menerima dan menerapkan KBAT dalam PdPc mereka.

Pembelajaran Profesional

Corike Van de Merve (2016) mengkaji tentang Pembelajaran Profesional Guru yang menyelidik pengaruh kolektif amalan kepimpinan dan pengantaraan peranan keberkesanan diri guru. Kajian beliau dijalankan bertujuan untuk mengkaji sejauh mana amalan kepimpinan kolektif mempengaruhi pembelajaran profesional guru, sebagai mewakili keberkesanan guru sendiri. Sampel kajian melibatkan 127 orang guru dari sepuluh buah sekolah rendah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan kepemimpinan kolektif mempengaruhi keterlibatan guru dalam sosial perkongsian maklumat aktiviti pembelajaran dan meminta maklum balas. Selain itu, amalan kepimpinan positif diri guru dan kepercayaan keberkesanan guru secara langsung dan positif dipengaruhi aktiviti pembelajaran individu dan sosial. Muhammad Faizal A. Ghani dan rakan (2015), membuat kajian tentang Model Program perkembangan profesionalisme guru Malaysia. Kajian mereka melibatkan sebuah sekolah berprestasi tinggi dan sebuah sekolah berprestasi rendah. Sampel kajian pula melibatkan 34 orang pemimpin sekolah dan 151 orang guru di kedua-dua sekolah berkenaan. Kajian mendapati keberkesanan pelaksanaan program pembangunan profesional di sekolah berprestasi tinggi dan rendah sangat tinggi dan sangat memuaskan komuniti di kedua-dua jenis sekolah yang dikaji. Kedua-dua buah sekolah ini memerlukan program pembangunan profesional, khususnya dalam konteks setempat.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif dengan melibatkan tinjauan deskriptif korelasi. Kaedah ini sesuai digunakan kerana penerapan KBAT dalam PdPc guru lebih mudah diukur dengan cara penyelidikan kuantitatif dan melihat sejauh manakah pembelajaran profesional ada hubungannya dengan penerimaan guru dalam menerapkan KBAT. Deskriptif korelasi digunakan untuk melihat perkaitan antara tahap pembelajaran profesional guru dengan penerimaan mereka terhadap penerapan KBAT dalam pengajaran dan pelajaran di bilik darjah. Soal selidik yang digunakan telah diubah suai daripada soal selidik penerimaan guru oleh Fred Davis (1989), Hotniar Siringoringo, dan Egbe Adewole-Odesi (2011) dan soal selidik pembelajaran profesional guru oleh Corike van de Merve (2016).

Responden

Seramai 390 guru sebagai responden kajian. Populasi dan sampelnya pula diambil daripada guru-guru sekolah menengah daerah Sarikei berjumlah seramai 209 orang. Daerah ini hanya ada lima buah sekolah menengah.

Kaedah persampelan yang digunakan adalah kaedah rawak mudah berstrata (tidak berkadaran) kerana teknik ini memilih sampel dari setiap sub-populasi.

Instrumen

Instrumen yang digunakan ialah mengambil dan mengubah suai instrumen soal selidik daripada beberapa pengkaji mengikut model yang telah dipilih. Antara pengkaji asal soal selidik Penerimaan Guru yang diubah suai dalam kajian ini ialah Fred Davis (1989), Pengkaji telah memohon kebenaran melalui email dan ada pengkaji asal yang sudah memberikan respon dan menyatakan kebenaran mereka. Penerimaan guru tentang pelaksanaan penerapan KBAT secara jelas turut akan diketengahkan mengikut pemboleh ubah yang telah ditentukan. Pengkaji asal bagi item soal selidik Pembelajaran Profesional ialah Corike van de Merve (2016). Soal selidik beliau telah diubah suai mengikut kesesuaian kajian dan disahkan oleh penyelia pengkaji. Kajian ini menggunakan borang soal selidik yang telah diisi sendiri oleh responden untuk memudahkan pengumpulan data. Soal selidik ini terdiri daripada tiga bahagian iaitu Bahagian A untuk mengumpul maklumat demografi responden. Melalui maklumat demografi pada bahagian A ialah jantina, umur, bangsa, pengalaman mengajar, bidang pengajaran dan bilangan kursus atau pendedahan terhadap KBAT dalam tempoh 2016 hingga 2018. Bahagian B pula melibatkan data berkaitan dengan Penerimaan Guru yang terdiri daripada 4 dimensi iaitu Berkesan Digunakan diwakili 6 item, Mudah Digunakan, 5 item, Bersedia untuk Melaksanakan terdiri daripada 6 item dan Sikap Terhadap Pelaksanaan, 5 item. Melalui soal selidik pada bahagian B, terdapat satu item negatif tetapi soalan-soalan lain adalah item positif. Akhir sekali pada bahagian C, data dikumpul berkaitan dengan Pembelajaran Profesional yang melibatkan 3 dimensi iaitu Mengikuti Perkembangan Terkini 6 soalan, Membuat Kajian atau Eksperimen dan Refleksi 5 soalan, dan Pertukaran Maklumat dan Mendapatkan Maklum Balas 6 soalan. Pada bahagian C pula, semua item berbentuk soalan positif. Data berbentuk kuantitatif dianalisis dengan menggunakan *SPSS Versi 20* yang meliputi *T-test*, *ANOVA* dan ujian korelasi.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan umur, seramai 26 orang (12.4%) berumur 24 hingga 30 tahun, seramai 108 orang (51.67%) berumur 31 hingga 40 tahun, dan seramai 61 orang (29.18%) berumur dalam lingkungan 41 hingga 50 tahun. Manakala guru yang berumur melebihi 50 tahun seramai 14 orang (6.6%). Daripada data ini dapatlah dirumuskan bahawa lebih separuh daripada responden sekolah menengah di daerah Sarikei masih muda iaitu dalam lingkungan usia 31 hingga 40 tahun. Data menunjukkan bahawa guru-guru berusia melebihi 50 tahun tidak ramai menjadi responden kajian ini.

JADUAL 4.2.1

Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Umur

Umur	Kekerapan (N)	Peratus (%)
24 – 30 tahun	26	12.4%
31 – 40 tahun	108	51.6%
41 – 50 tahun	61	29.1%
>51 tahun	14	6.6%
Jumlah	209	100.0

Jadual 4.2.2 di bawah adalah menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut jantina. Responden guru lelaki adalah seramai 57 orang (27.3%) manakala 152 orang (72.7%) terdiri daripada guru perempuan. Didapati bilangan guru perempuan adalah jauh lebih tinggi berbanding responden lelaki.

JADUAL 4.2.2

Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Lelaki	57	27.3
Perempuan	152	72.7
Jumlah	209	100.0

Jadual 4.2.3 pula menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan responden berdasarkan bangsa atau etnik. Terdapat perbezaan antara jumlah responden bagi setiap bangsa. Berikut merupakan jumlah bilangan guru bagi setiap bangsa: 80 orang (38.3%) bagi bangsa Cina, 48 orang (23.0%) bagi bangsa Melayu dan 81 orang (38.8%) adalah mewakili guru bumiputera lain. Dalam kajian ini guru berbangsa Cina adalah lebih ramai kerana majoriti penduduk di daerah Sarikei berbangsa Cina.

JADUAL 4.2.3
Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Bangsa

Bangsa	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Cina	80	38.3
Melayu	48	23.0
Bumi putera lain	81	38.8
Jumlah	209	100.0

Jadual 4.2.4 di bawah pula menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut pengalaman. Didapati bahawa tempoh 1 hingga 10 tahun pengalaman mengajar diwakili oleh jumlah 81 orang (38.7%). Manakala 11 hingga 20 tahun mendominasi jumlah responden dalam kajian ini iaitu seramai 84 orang (40.1%). Tempoh 21 hingga 30 tahun pengalaman mengajar diwakili oleh seramai 39 orang (18.7%) dan tempoh >31 pengalaman mengajar seramai 5 orang (2.4%). Melalui data jelas menunjukkan bahawa majoriti guru adalah berpengalaman kerana telah menceburi bidang keguruan melebihi sebelah tahun.

JADUAL 4.2.4
Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar

Tahun	Kekerapan (N)	Peratus (%)
1 tahun – 10 tahun	81	38.9
11 tahun – 20 tahun	84	40.1
21 tahun – 30 tahun	39	18.6
>31 tahun	5	2.4
Jumlah	209	100.0

Jadual 4.2.5 pula menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan bagi responden mengikut bidang pengajaran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bidang pengajaran yang tertinggi ialah bidang Matematik dan Sains iaitu seramai 77 orang (36.8%) diikuti bidang pengajaran bahasa iaitu seramai 72 orang (43.4%). Bidang kemanusiaan diwakili oleh 42 orang (20.1%) manakala bidang teknikal 15 orang (7.2%). Namun, terdapat juga responden yang tidak mewakili mana-mana bidang kerana mereka terlibat dalam beberapa bidang pengajaran. Responden ini mewakili 3 orang (1.4%).

JADUAL 4.2.5
Taburan Kekerapan dan Peratusan bagi Bidang Pengajaran

Bidang	Kekerapan (N)	Peratus (%)
0	3	1.4
Matematik dan Sains	77	36.8
Bahasa	72	34.4
Teknikal	15	7.2
Kemanusiaan	42	20.1
Jumlah	209	100.0

Jadual 4.2.6 di bawah menunjukkan taburan kekerapan dan peratus responden mengikut bilangan kursus KBAT yang dihadiri dalam tempoh 2016 hingga 2018. Didapati bahawa ramai responden tidak pernah mengikut kursus KBAT dalam tempoh tersebut iaitu mewakili 67 orang (32.1%) manakala seramai 69 orang (33%) pernah menghadiri kursus KBAT sekali. Responden yang menghadiri kursus KBAT sebanyak 2 kali diwakili seramai 35 orang (16.7%), 3 kali seramai 26 orang (12.4%), 4 kali seramai 3 orang (1.4%), 5 kali seramai seorang (0.5%) dan 6 kali kursus seramai 6 orang (2.9%). Seterusnya responden yang menghadiri kursus KBAT sebanyak 6 kali dalam tempoh 2016 hingga 2018 seramai 6 orang (2.9%), 8 kali diwakili oleh seorang (0.5%) dan 10 kali seramai seorang (0.5%). Dapatan menunjukkan bahawa majoriti guru di daerah ini pernah menghadiri kursus KBAT iaitu sebanyak 67.9% berbanding guru yang tidak pernah menghadiri kursus KBAT.

JADUAL 4.2.6

Taburan Kekurangan dan Peratus Bagi Bilangan Kursus KBAT yang dihadiri dalam Tempoh 2016 hingga 2018

Bilangan Kursus KBAT	Kekurangan (N)	Peratus
0	67	32.1
1	69	33.0
2	35	16.7
3	26	12.4
4	3	1.4
5	1	0.5
6	6	0.5
8	1	0.5
10	1	0.5
Jumlah	209	100.0

Objektif Kajian 1: Penerimaan Guru Terhadap Pelaksanaan Penerapan KBAT

Persoalan kajian pertama iaitu menentukan penerimaan guru terhadap pelaksanaan penerapan KBAT di sekolah menengah daerah Sarikei. Penerimaan guru terhadap pelaksanaan penerapan KBAT ini melibatkan 4 dimensi iaitu: berkesan digunakan, mudah digunakan, bersedia untuk melaksanakan dan sikap terhadap pelaksanaan.

Hasil analisis penerapan KBAT di bawah dimensi Berkesan digunakan adalah pada Jadual 4.3.1. Keputusan pada jadual tersebut menunjukkan terdapat 3 item berada pada tahap tinggi manakala 3 item berada pada tahap sederhana. Item yang mendapat skor yang tinggi ialah Pelaksanaan penerapan KBAT berkesan dan bermanfaat kepada murid, Penerapan KBAT berjaya melatih murid supaya berfikir di luar kebiasaan mereka dan Penerapan KBAT menggalakkan pelajar terlibat secara proaktif di dalam kelas. Manakala item mendapat skor pada tahap sederhana ialah Penerapan KBAT menjadikan murid saya seronok mengikuti pengajaran dan pembelajaran, Penerapan KBAT menjadikan murid saya mampu memberikan pendapat secara kritis dan Penerapan KBAT memberi keyakinan kepada murid saya untuk meluahkan pendapat. Secara keseluruhannya skor dimensi berkesan digunakan berada pada tahap tinggi (min=3.69; sp=0.83). Dapatan ini bermakna responden berpandangan bahawa Tahap Penerimaan pelaksanaan penerapan KBAT oleh guru di bawah dimensi berkesan digunakan adalah tinggi.

JADUAL 4.3.1

Min dan s.p Penerimaan Guru Terhadap Penerapan KBAT: Berkesan Digunakan

Item	kedudukan	min	s.p	Tahap
Pelaksanaan penerapan KBAT berkesan dan bermanfaat kepada murid	2	3.78	0.68	Tinggi
Penerapan KBAT berjaya melatih murid supaya berfikir di luar kebiasaan mereka.	1	3.83	0.76	Tinggi
Penerapan KBAT menjadikan murid saya seronok mengikuti pengajaran dan pembelajaran.	4	3.65	0.81	Sederhana
Penerapan KBAT menggalakkan pelajar terlibat secara proaktif di dalam kelas.	3	3.69	0.86	Tinggi
Penerapan KBAT menjadikan murid saya mampu memberikan pendapat secara kritis.	4	3.65	0.85	Sederhana
Penerapan KBAT memberi keyakinan kepada murid saya untuk meluahkan pendapat.	6	3.59	0.71	Sederhana
Keseluruhan		3.69	0.83	Tinggi

Nota: m = min s.p = sisihan piawai

Bagi dimensi Mudah Digunakan, semua item berada pada tahap sederhana. Item yang mendapat skor tertinggi ialah Banyak contoh boleh dijadikan soalan dalam menerapkan KBAT (min=3.38; sp=0.98) dan item mendapat skor terendah ialah item Bahan untuk menerapkan KBAT mudah disediakan (min=2.93; sp=1.01).

JADUAL 4.3.2

Min dan s.p Penerimaan Guru Terhadap Penerapan KBAT: Mudah Digunakan

Item	kedudukan	min	s.p	Tahap
Penerapan KBAT mudah dilakukan di dalam kelas	2	3.24	0.85	sederhana
Saya tidak perlu mengambil masa yang lama untuk membuat RPH bagi pelaksanaan penerapan KBAT.	4	3.06	1.01	sederhana
Bahan untuk menerapkan KBAT mudah disediakan.	5	2.93	1.01	sederhana
Banyak contoh boleh dijadikan soalan dalam menerapkan KBAT.	1	3.38	0.98	sederhana
Soalan KBAT untuk pengajaran dan pembelajaran mudah disediakan.	3	3.11	0.76	sederhana
Keseluruhan		3.14	1.05	sederhana

Nota: m = min s.p = sisihan piawai

Dimensi seterusnya ialah Bersedia untuk melaksanakan yang diwakili oleh 6 item. Min tertinggi ditunjukkan oleh item “Saya sanggup menghadapi kemungkinan aktiviti penerapan KBAT kurang berjaya dijalankan” iaitu 3.61 (sp=0.70) manakala min terendah ialah item “saya mampu merancang kaedah untuk melibatkan murid pelbagai aras dan aktiviti” iaitu 3.41 (sp=0.74). Min keseluruhan ialah 3.46 dan sisihan piawai ialah 0.79. Berdasarkan skala skor min yang digunakan, min 3.46 berada antara 2.34 hingga 3.67 iaitu pada tahap sederhana. Hasil analisis min dan sisihan piawai bagi kesemua item ditunjukkan dalam jadual 4.3.3.

JADUAL 4.3.3

Min dan s.p Penerimaan Guru Terhadap Penerapan KBAT: Bersedia untuk melaksanakan

Item	kedudukan	min	s.p	Tahap
Saya mampu merancang kaedah untuk penerapan KBAT.	6	3.35	0.75	sederhana
Saya sanggup meluangkan masa untuk menambah baik teknik penerapan KBAT.	3	3.48	0.66	sederhana
Saya mampu merancang kaedah untuk melibatkan murid pelbagai aras dan aktiviti.	5	3.41	0.74	sederhana
Saya mampu menilai tahap peri laku pelajar semasa pengajaran dan pembelajaran.	2	3.51	0.69	sederhana
Saya sanggup meluangkan masa untuk melaksanakan penerapan KBAT.	4	3.43	0.81	sederhana
Saya sanggup menghadapi kemungkinan aktiviti penerapan KBAT kurang berjaya dijalankan.	1	3.60	0.70	sederhana
Keseluruhan		3.46	0.79	sederhana

Nota: m = min s.p = sisihan piawai

Dimensi yang terakhir ialah sikap terhadap pelaksanaan dan diwakili 5 item. Min tertinggi yang dicatatkan ialah item “Saya ambil peduli terhadap strategi penerapan KBAT” iaitu 3.69 (sp=0.65) manakala min terendah dicatatkan item “kadang-kadang saya merasa tertekan untuk menerapkan KBAT” iaitu 3.36 (sp=0.98). Min keseluruhan ialah 3.55 dan sisihan piawai ialah 0.87. Berdasarkan skala skor min yang digunakan, min 3.55 berada antara 2.34 hingga 3.67 iaitu pada tahap sederhana. Hasil analisis min dan sisihan piawai bagi kesemua item ditunjukkan dalam jadual 4.3.4.

JADUAL 4.3.4

Min dan s.p Penerimaan Guru Terhadap Penerapan KBAT: Sikap terhadap pelaksanaan

Item	kedudukan	min	s.p	tahap
Pelaksanaan penerapan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran adalah idea yang baik.	2	3.63	0.72	sederhana
Saya berasa seronok menerapkan KBAT di dalam kelas.	4	3.54	0.77	sederhana
Kadang-kadang saya merasa tertekan untuk menerapkan KBAT.	5	3.36	0.98	sederhana
Saya ambil peduli terhadap strategi penerapan KBAT.	1	3.69	0.65	tinggi
Saya suka mencari idea baharu untuk menerapkan KBAT.	3	3.55	0.77	sederhana
Keseluruhan		3.55	0.87	sederhana

Nota: m = min s.p = sisihan piawai

Jadual 4.3.5 di bawah menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi setiap dimensi dalam penerimaan guru terhadap KBAT. Daripada jadual tersebut didapati nilai min keseluruhan untuk keempat-empat dimensi penerimaan guru terhadap pelaksanaan penerapan KBAT memperoleh skor min 3.46 dengan sisihan piawai 1.08. Data ini menunjukkan bahawa penerimaan guru terhadap penerapan KBAT adalah pada tahap sederhana. Dimensi berkesan digunakan mencatatkan min 3.69 (sp= 0.83), mudah digunakan mencatat min 3.14 (sp=1.05), bersedia untuk melaksanakan mencatatkan min 3.46 (sp=0.79) dan sikap terhadap pelaksanaan mencatatkan min 3.55 (sp=0.87).

JADUAL 4.3.5

Taburan Penerimaan Guru Terhadap Pelaksanaan Penerapan KBAT

Penerimaan Guru Terhadap Pelaksanaan Penerapan KBAT	Skor Min	Sisihan Piawai	Skala Tahap
Berkesan Digunakan	3.69	0.83	Tinggi
Mudah Digunakan	3.14	1.05	Sederhana
Bersedia Untuk Digunakan	3.46	0.79	Sederhana
Sikap Terhadap Pelaksanaan	3.55	0.87	Sederhana
Keseluruhan	3.46	1.08	Sederhana

Objektif Kajian 2: Membandingkan Penerimaan Guru Terhadap Pelaksanaan Penerapan KBAT Mengikut Demografi (jantina, bangsa dan Bidang Pengajaran)

Persoalan kajian kedua pengkaji adalah membandingkan penerimaan guru terhadap penerapan KBAT berdasarkan berdasarkan faktor demografi iaitu jantina, bangsa dan bidang pengajaran. Ujian *t* digunakan untuk mengesan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan demografi jantina manakala ujian ANOVA digunakan untuk mengesan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan demografi bangsa dan bidang pengajaran. Semua ujian statistik ini dijalankan dan ditetapkan pada aras keertian $p < 0.05$. Aras kesignifikan ini biasanya digunakan oleh kebanyakan pengkaji dalam membuat keputusan statistik. Jadual 4.4.1 dan 4.4.2 menunjukkan cara penganalisisan data dijalankan.

Jadual 4.41 di bawah menunjukkan keputusan ujian *t* bagi membandingkan penerimaan guru di sekolah menengah terhadap penerapan KBAT berdasarkan faktor demografi iaitu dari segi jantina. Dapatan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi penerimaan guru lelaki dan guru perempuan terhadap pelaksanaan penerapan KBAT dengan nilai keseluruhan $t = -1.39$ dengan $sig = 0.995$ ($p > 0.05$). Dari nilai min pula menunjukkan guru lelaki (min=3.38 dan sp=0.601) menunjukkan tahap

penerimaan yang hampir sama dengan penerimaan guru perempuan ($\text{min}=3.51$ dan $\text{sp}=0.610$). Hasil kajian menunjukkan min penerimaan guru berdasarkan demografi jantina adalah tidak signifikan.

Jadual 4.4.2 di bawah pula dapatan daripada ujian ANOVA yang menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi penerimaan guru berbangsa Cina, Melayu dan bumiputera lain terhadap pelaksanaan penerapan KBAT dengan keseluruhan nilai $f=2.75$ dan $\text{sig} =0.066$ ($p>0.05$). Hal ini menunjukkan bahawa tidak kira guru berbangsa Cina, Melayu atau bangsa bumiputera yang lain, penerimaan mereka adalah pada tahap yang hampir sama.

Begitu juga ujian ANOVA bagi penerimaan guru dari segi bidang pengajaran terhadap pelaksanaan penerapan KBAT. Dapatan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi penerimaan guru yang mengajar Matematik dan Sains, guru yang mengajar bidang bahasa, guru yang mengajar bidang teknikal ataupun guru yang mengajar bidang kemanusiaan dengan keseluruhan nilai $f= 1.14$ dan $\text{sig} =0.33$ ($p>0.05$). Dapatan membuktikan bahawa semua guru sekolah menengah di daerah Sarikei tanpa dipengaruhi oleh faktor demografi menerima pelaksanaan penerapan KBAT pada tahap yang hampir sama iaitu pada tahap sederhana.

JADUAL 4.4.1

Ujian *t* Penerimaan Guru Terhadap Pelaksanaan Penerapan KBAT Mengikut Faktor Demografi (jantina)

Demografi		N	Min	Sisihan Piawai	Nilai <i>t</i>	<i>df</i>	<i>Sig.</i>
Jantina	Lelaki	57	3.38	0.601	-1.39	207	0.995
	Perempuan	152	3.51	0.610			

JADUAL 4.4.2

Analisis ANOVA (satu hala) Penerimaan Guru Terhadap Pelaksanaan Penerapan KBAT Mengikut Faktor Demografi (bangsa dan bidang pengajaran)

Bangsa	Sumber variasi	Jumlah kuasa dua	<i>df</i>	<i>f</i>	<i>Sig.</i> p
Cina	Antara kumpulan	2.011	2	2.75	0.66
Melayu	Dalam kumpulan	75.170	206		
Bumiputera lain	Jumlah	77.181	208		
Bidang Pengajaran Matematik dan Sains	Antara kumpulan	1.695	4	1.145	0.337
Bahasa Teknikal Kemanusiaan	Dalam kumpulan	75.486	204		
	Jumlah	77.181	208		

**Aras signifikan, $p<0.05$

Objektif Kajian 3: Menentukan Tahap Pembelajaran Profesional Guru

Persoalan kajian ketiga adalah menentukan tahap pembelajaran profesional guru di sekolah menengah daerah Sarikei. Analisis deskriptif min dan sisihan piawai dijalankan untuk menjawab objektif yang ketiga ini. Terdapat 3 dimensi pada bahagian pembelajaran profesional guru iaitu Mengikuti perkembangan terkini diwakili oleh 6 item, Membuat Kajian dan Refleksi, 5 item dan Pertukaran maklumat dan mendapatkan maklum balas pula diwakili 6 item.

Dimensi Mengikuti perkembangan terkini melalui jadual 4.5.1, didapati skor semua item berada pada tahap sederhana. Item yang mempunyai skor tertinggi ialah Saya mempelajari buku teks dan bahan pelajaran dengan teliti dan secara teratur ($\text{min}=2.80$; $\text{sp}=0.51$) dan item mempunyai skor terendah ialah item bahawa guru mengambil bahagian dalam latihan lanjut dan dalam perkhidmatan latihan walaupun latihan ini tidak diwajibkan ($\text{min}=2.26$; $\text{sp}=0.71$). Keseluruhan skor bagi dimensi Mengikuti perkembangan terkini adalah

sederhana (min=2.53; sp=0.74). Keputusan ini bermakna pembelajaran profesional guru bagi dimensi mengikuti perkembangan terkini adalah sederhana sahaja.

JADUAL 4.5.1

Min dan s.p Pembelajaran Profesional Guru Tentang KBAT: Mengikuti perkembangan terkini

Item	kedudukan	min	s.p	tahap
Saya sentiasa memperoleh kemajuan terkini dalam bidang yang saya ceburi.	3	2.60	0.74	sederhana
Saya mengambil bahagian dalam latihan lanjut dan dalam perkhidmatan latihan walaupun latihan ini tidak diwajibkan.	6	2.26	0.71	sederhana
Saya membaca kajian tentang profesionalisme guru.	5	2.34	0.76	sederhana
Saya mempelajari buku teks dan bahan pelajaran dengan teliti dan secara teratur.	1	2.80	0.51	sederhana
Saya mengumpul maklumat tambahan tentang pembaharuan pendidikan.	2	2.70	0.73	sederhana
Saya sentiasa memperoleh sumber bahan didaktik yang terkini.	4	2.48	0.76	sederhana
Keseluruhan		2.53	0.74	sederhana

Nota: m = min s.p = sisihan piawai

Dimensi Kajian dan Refleksi menunjukkan min tertinggi yang dicatatkan ialah pada item bahawa guru membuat refleksi tentang kualiti pengajaran saya (min=3.00; sp=0.65) manakala item terendah dicatatkan pada item guru membuat bahan pengajaran dan pembelajaran saya sendiri tentang pelaksanaan KBAT (min= 2.70; sp=0.80). Min keseluruhan bagi dimensi berada pada tahap sederhana (min=2.81; sp=0.81). iaitu berada antara 2.34 hingga 3.67. Hasil analisis min dan sisihan piawai bagi kesemua item ditunjukkan pada jadual 4.5.2.

JADUAL 4.5.2

Min dan s.p Pembelajaran Profesional Guru Tentang KBAT: Membuat Kajian dan Refleksi

Item	kedudukan	min	s.p	tahap
Saya membuat bahan pengajaran dan pembelajaran saya sendiri.	5	2.70	0.80	sederhana
Saya menggunakan tindak balas pelajar untuk meningkatkan prestasi kelas yang saya ajar.	4	2.76	0.66	sederhana
Saya mencuba kaedah pengajaran baharu dalam bidang profesional saya.	3	2.77	0.81	sederhana
Saya membuat refleksi tentang kualiti pengajaran saya.	1	3.00	0.65	tinggi
Saya mencuba pengetahuan dan kemahiran baharu dalam bidang profesional saya.	2	2.84	0.72	sederhana
Keseluruhan		2.81	0.81	sederhana

Nota: m = min s.p = sisihan piawai

Dimensi yang seterusnya bagi pembelajaran profesional guru tentang KBAT ialah Pertukaran maklumat dan mendapatkan maklum balas. Data menunjukkan bahawa item "Sekiranya saya merasakan kerja yang saya lakukan tidak sempurna, saya akan berbincang dengan rakan sejawat" mencatatkan min tertinggi iaitu 3.10 dengan sisihan piawai 0.74 manakala min terendah dicatatkan oleh item "Saya selalu meminta ketua sekolah saya untuk memberikan maklum balas" iaitu 2.59 dan sisihan piawai mencatatkan 0.81. Min keseluruhan bagi dimensi ini ialah 2.89 dan sisihan piawai ialah. Berdasarkan skala min yang digunakan, min 2.81 berada antara 2.34 hingga 3.67 iaitu pada tahap sederhana. Berdasarkan skala min yang digunakan, min 2.89 berada antara 2.34 hingga 3.67 iaitu pada tahap sederhana. Hasil analisis min dan sisihan piawai bagi kesemua item ditunjukkan pada jadual 4.5.3.

JADUAL 4.5.3

Min dan s.p Pembelajaran Profesional Guru Tentang KBAT: Pertukaran Maklumat dan Mendapatkan Maklum Balas

Item	Kedudukan	min	s.p	tahap
Saya membincangkan masalah yang ditemui dalam pengajaran saya dengan amalan orang lain untuk belajar daripada maklum balas mereka.	4	2.90	0.71	sederhana
Sekiranya saya merasakan kerja yang saya lakukan tidak sempurna, saya akan berbincang dengan rakan sejawat.	1	3.10	0.74	tinggi
Saya selalu bertanya dengan rakan sejawat untuk mendapatkan maklum balas.	2	3.09	0.75	tinggi
Saya belajar daripada sesi pengajaran dan pembelajaran rakan saya melalui pemerhatian.	3	2.98	0.67	sederhana
Jika saya fikir saya tidak melakukan kerja saya dengan baik, saya berbincang dengan pemimpin sekolah saya.	5	2.70	0.83	sederhana
Saya selalu meminta ketua sekolah saya untuk memberikan maklum balas.	6	2.59	0.81	sederhana
Keseluruhan		2.89	0.80	sederhana

Nota: m = min s.p = sisihan piawai

Jadual 4.5.4 di bawah menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi setiap dimensi dalam tahap pembelajaran profesional guru. Daripada jadual tersebut didapati keseluruhan min dan sisihan piawai untuk ketiga-tiga dimensi tahap pembelajaran profesional guru memperoleh skor min 2.74 dengan sisihan piawai 1.07. Data ini menunjukkan bahawa tahap pembelajaran profesional guru adalah pada tahap sederhana. Dimensi Mengikuti perkembangan terkini mencatatkan (min=2.53; sp=0.74), Membuat kajian dan refleksi (min=2.81; sp=0.81), dan Pertukaran maklumat dan mendapatkan maklum balas mencatatkan (min=2.89; sp=0.80).

JADUAL 4.5.4

Taburan Tahap Pembelajaran Profesional Guru

Penerimaan Guru Terhadap Pelaksanaan Penerapan KBAT	Skor Min	Sisihan Piawai	Skala Tahap
Mengikuti Perkembangan Terkini	2.53	0.74	Sederhana
Membuat Kajian dan Refleksi	2.81	0.81	Sederhana
Pertukaran Maklumat dan Mendapatkan Maklum Balas	2.89	0.80	Sederhana
Keseluruhan	2.74	1.07	Sederhana

Objektif Kajian 4: Menentukan Hubungan Antara Tahap Pembelajaran Profesional Dengan Penerimaan Guru Terhadap Pelaksanaan Penerapan KBAT

Analisis korelasi Pearson dijalankan untuk menjawab objektif kajian 4 iaitu menentukan hubungan pembelajaran profesional dengan penerimaan guru sekolah menengah daerah Sarikei terhadap pelaksanaan penerapan KBAT. Data berkaitan hubungan antara pembelajaran profesional dengan penerimaan guru sekolah menengah daerah Sarikei terhadap pelaksanaan penerapan KBAT dianalisis dengan menggunakan analisis korelasi Pearson dan berdasarkan skala korelasi Cohen.

Jadual 4.6.1 di bawah menunjukkan hasil keputusan ujian korelasi Pearson bagi konstruk atau dimensi Pembelajaran profesional dengan penerimaan guru terhadap pelaksanaan penerapan KBAT di sekolah menengah daerah Sarikei. Analisis korelasi Pearson menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan yang positif antara pembelajaran profesional dengan penerimaan guru terhadap pelaksanaan penerapan KBAT. Berdasarkan skala korelasi Cohen (1988), hubungan tersebut ditakrifkan sebagai hubungan kuat, $r = 0.646$, $p < 0.01$. Hubungan yang wujud menunjukkan bahawa tahap pembelajaran profesional guru mempunyai hubungan dengan pelaksanaan penerapan KBAT guru di sekolah menengah daerah Sarikei. Jelas menunjukkan bahawa

apabila tahap pembelajaran profesional guru berada pada tahap tinggi maka penerimaan guru terhadap pelaksanaan penerapan KBAT turut berada pada tahap tinggi dan sebaliknya.

JADUAL 4.6.1

Korelasi Pearson antara Tahap Pembelajaran Profesional dengan penerimaan guru terhadap pelaksanaan penerapan KBAT

Pemboleh ubah	Penerimaan Guru
Tahap Pembelajaran Profesional	0.646**

** Korelasi adalah signifikan pada 0.01(2-tailed)

PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian, faktor yang paling mempengaruhi kesediaan guru untuk menerapkan KBAT dalam pengajaran mereka dapat dikenal pasti walaupun tidak sepenuhnya iaitu pembelajaran profesional melalui perbincangan dengan rakan sejawat, mendapat maklum balas rakan sejawat dan membuat refleksi terhadap PdPc mereka. Oleh itu, jika ingin melihat penerimaan guru terhadap pelaksanaan penerapan KBAT berada pada persetujuan yang tinggi maka pihak berkenaan termasuk para pentadbir sekolah dan guru-guru sendiri perlu meningkatkan pembelajaran profesional guru dengan menjalankan pelbagai program dan kursus khas KBAT. Penemuan ini jelas membayangkan bahawa guru-guru di sekolah menengah, terutamanya memerlukan semangat kerjasama atau kolaborasi erat untuk bersedia menerima pelaksanaan penerapan KBAT.

CADANGAN

Untuk memantapkan profesionalisme guru khususnya dalam pelaksanaan penerapan KBAT di bilik darjah, guru-guru haruslah diberikan sokongan dalam bentuk Pembangunan Profesionalisme Berterusan (CPD), latihan Latihan dalam Perkhidmatan (LDP) dan bantuan daripada SISC+ untuk mengaplikasikan KBAT dalam PdPc guru. Pembelajaran Profesional guru harus sentiasa terkini dan mantap. Dapatan ini seharusnya menjadi panduan untuk menjalankan tindak susul yang seterusnya oleh pihak JPN dan PPD Sarikei. Guru-guru seramai 67 orang yang tidak pernah menghadiri mana-mana kursus KBAT melalui kajian ini haruslah dikenal pasti dan dirangka pelbagai program pendedahan kemahiran KBAT kepada mereka supaya tidak ketinggalan dalam arus kemajuan pendidikan, mendukung dasar dan merealisasikan aspirasi pendidikan negara. Penambahbaikan dalam pelbagai bentuk seperti CPD, PLC, LDP dan motivasi kepada guru-guru untuk melaksanakan penerapan KBAT dalam bilik darjah perlu digerakkan oleh PPD Sarikei. Bagi menambah baik penerimaan ini, pihak Pejabat Pendidikan Daerah Sarikei melalui Unit Pengurusan Peperiksaan (UPP) dan UPA haruslah merancang program latihan dan pendedahan yang lebih lanjut tentang aspek pembinaan soalan-soalan pelbagai aras kognitif seperti pendedahan pembinaan item soalan KBAT untuk meningkatkan penerimaan guru terhadap pelaksanaan KBAT di bilik darjah. Pelbagai kursus dan LDP haruslah diadakan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan guru di daerah Sarikei. Kajian ini penting memandangkan guru-guru perlu lebih serius dalam menerapkan KBAT serta dapat dijadikan amalan dalam PdPc sesuai dengan harapan PPPM 2013 – 2025. Kajian ini hanya dijalankan di daerah Sarikei dan melibatkan sekolah menengah sahaja. Adalah disarankan agar kajian yang dijalankan selepas ini dapat dikembangkan ke daerah-daerah lain di Sarawak, malah di seluruh Malaysia dan melibatkan sekolah-sekolah rendah juga.

RUJUKAN

- Ajzen L. (1988) *Attitudes, Personality and Behavior*, Dorsey Press, Chicago, IL.
- Arief Wibowo. (2008) Kajian Tentang Perilaku Pengguna Sistem Informasi Dengan Pendekatan Teknologi Acceptance Model (TAM): Program Studi Sistem Informasi, Fakultas Teknologi Informasi, Universitas Budi Luhur JL. Ciledug Raya, Petukangan Utara, Jakarta Selatan 2260.
- Amin Senin. (2005). *Hubungan pengurusan pembangunan profesional sekolah dengan model pembangunan profesional serta pengaruhnya terhadap pengajaran guru di sekolah-sekolah menengah negeri Sabah*. Tesis. PhD not published. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Bandura A. *Social Foundations of thought and action: A social cognitive theory Englewood Cliffs, N.J:* Prentice-Hall, (1986) Translation: Chinese, Russian, Spanish.
- Bredeson, P.V. (2003) *Designs for learning*, Thousand Oaks: Corwin Press. *Berita Harian*, 24 November 2016.
- Bram Pynoo, Jo Tondeur, Johan van Braak, Wouter Duyck, Bart Sijnave, Philippe Duyck. (2011) *Teacher's acceptance and use of an educational portal*, Ghent, Belgium.
- Buletin Transformasi Pendidikan Malaysia, Mac, 2015.
- Buabeng-Andoh, C. (2012a). *An exploration of teachers' skill, perception and practices of ICT in teaching and learning in the Ghanaian Second-Cycleschools*. *Contemporary Education Technology*, 3(1), 36-49.

- Chai, C.S. (2010). *The relationship among Singaporean Preservice teacher' ICT competencies, pedagogical beliefs and their beliefs on the espoused use of ICT*. *Asia-Pacific Education Researcher*, 19(3), 387-400.
- Creswell, W. J. (2011). *Educational research Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. 4th Ed. Canada. Pearson.
- Christopher DeLuca, Benjamin Bolden & Jessica Chan. (2017). *Teaching and Teacher Education (Pembelajaran Profesional Sistemik Melalui Penyelidikan Kolaboratif: Meneliti Perspektif Guru)*, Kingston, Ontario, Canada.
- Cohen, D.K., Hill, H.C.. (2011). *State policy and classroom performance*. Philadelphia: University of Pennsylvania Consortium for Policy research in Education.
- Corike van de Merwe. (2016) *Teachers' Professional Learning: researching the influence of collective leadership practices and the mediating role of teacher self- efficacy*, Universiteit Twente, Netherlands
- Chua Yan Piaw. (2012) *Asas Statistik Penyelidikan Edisi Kedua*: Mc Graw Hill, Kuala Lumpur.
- Davis, F.D. (1989). *Perceived usefulness, perceived ease of use, and user acceptance of information technology*, *MIS Quarterly*, 13, 319 – 340.
- Encyclopedia Britannica*, <https://www.britannica.com/topic/teleological-ethics>
e-Prints.ums.edu.my/1073/1/nc00000004924.
- G. Tornatzky, Louis & Klein, Katherine. (1982). *Innovation Characteristics and Innovation-Adoption-Implementation: A Meta-analysis of findings*. *Engineering Management, IEEE Transactions on*. EM-29. 10.1109/TEM.1982.6447463.
- Geijsel, F.P., Slegers, P.J., Stoel, R.D., & Krtiger, M.L. (2009). *The effect of teacher psychological and school organizational and leadership foactors on teachers' professional learning in Dutch school*. *The elementary school journal*, 109(4), 406-427.
- Hasnah Isnon & Jamaludin Badusah (2017). *Kompetensi Guru Bahasa Melayu dalam Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jegade, P.O., Dibu-Orjerinde, O.O., & Illori, M.O. (2007). *Relationship between ICT competence and attitude among some Nigerian tertiary institution lectures*. *Educational Research and Review*, 2(7),172-175.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2015*. Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya.
- Krejcie, R.V. & Morgan D.W. (1970). *Determining sample size for research activities*. *Educational & Psychological Measurement*,30. 607-610.
- Kwakman, K. (2003). *Factors affecting teachers' participation in professional learning activities*. *Teaching and Teacher Education*, 19(2), 149-170. doi: 10.1016/s0742-05x(02)00101-4.
- Landell, K. *Management By Menu*. 1. ed. London: Wiley and Sons Inc, 1997. 432 p.
- Lau, B.T., & Sim, C.H (2008). *Exploring the Theoretical ICT Adoption Among Secondary School Teachers Malaysia*. *International Journal of Computing and ICT Research*, 2(2), 19-36.
- Leong Mei Wei, Chua Yan Piaw, Sathiamoorthy Kannan, Shafinaz, & A. Moulod (2006), *Relationship Between Teacher ICT (Kecekapan dan Penerimaan Guru Dan Penggunaan Sistem Pengurusan Sekolah (SMS)*, Universiti Malaya.
- Legris, P., Ingham, J., & Colletette, P. (2003). *Why do people use information technology? A critical review of the technology acceptance model*. *Information & Management*, 40, 191-204.
- Liang, H., Xue, Y., & Byrd, T.A. (2003). *PDA usage ini healthcare professionals: Testing an extended technology acceptance model*. *International Journal of Mobile Communications*, 1, 372-389.
- Lu, J., Liu, C.m Yu, C., & Yao, J.E. (2003). *Exploring factors associated with wireless internet via mobile technology acceptance in Mainland China*. *The Communications of the International Information Management Association*, 3(1), 101-120.
- Mahaliza Mansor, Norlia Mat Norwani & Jamal @ Nordin Yunus (2010), *Kesahan dan Kebolehppercayaan alat ukur pentadbir sebagai pemimpin pembangunan professional berasakan sekolah (PPPS)*. Dalam Seminar Sehari Penyelidikan 2010, Tanjung Malim: Fakulti Pegurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mahaliza Mansor & Norlia Mat Norwanis, (2012) *Inventori Pembelajaran Profesional: Pembinaan Inventori, Analisis Faktor Kesahan da Kebolehppercayaan*, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.
- Mahaliza Mansor, (2014) *Hubungan Antara Model-model Pembelajaran Profesional Terhadap Amalan Guru Sekolah*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.
- Majid Konting, M. (2009). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Masnah Ali Muda. (2014). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah, Persidangan Perkembangan KBAT peringkat Kebangsaan*, Kinta Riverfont, Ipoh Perak.
- Mei Wei, Leong & Chua, Yan Piaw& Kannan, Sathiamoorthy. (2016). *Relationship Between Principal Technology Leadership Practices And Teacher ICT Competency*. *Malaysian Online Journal of Educational Management (MOJEM)*. 4. 13-36. 10.22452/mojem.vol4no3.2.
- Muhamad Faizal a. Ghani Abd. Khalil Adnan. (2015) *Model Program Perkembangan Profesionalisme Guru*

- Malaysia: Satu Kajian Analisis Keperluan di Sekolah Berprestasi Tinggi dan Sekolah Berprestasi Rendah. Universiti Malaya.
- Muhamad Kamarul Kabilan. (2013) *Perjalanan Profesional Pembangunan Pra-Perkhidmatan Guru: Satu Kajian Fenomenologi Pratikum Pengajaran Antarabangsa*. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Nawi, Aliff& Isa Hamzah, Mohd& Abdul Rahim, AzwinArif. (2015). Teachers Acceptance of Mobile Learning for Teaching and Learning in Islamic Education: A Preliminary Study. *Turkish Online Journal of Distance Education*. 16. 10.17718/tojde.30611.
- Nooraishah Bt. Kasiran (2004). *Penguasaan Aspek Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif di dalam mata pelajaran Sains KBSM di kalangan pelajar Tingkatan Empat daerah Kuala Langat*, Universiti Teknologi Malaysia.
- Norlela Bt. Ali, Firdaus Bt Abdul Fatah, Vijayaletmy A/P Muniyandy, & Zaradi Bin Sudin (2015). *Aplikasi Soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Kalangan Guru Pelatih*, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur.
- Noor Azean Atan & Siti Khatijah Naraman (2012). *Penerimaan Guru Pelatih Terhadap Penggunaan PPBK: Kajian Kes Terhadap Guru Pelatih*, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Nur Hasmaliza. (2016). *Persepsi Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Tesis Sarjana Pendidikan, UKM.
- Nur Hasmaliza Hasan & Zamri Mahamod. (2015). Persepsi Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Pendidikan Kesusasteraan Melayu Kali Keempat*. UKM Bangi: Fakulti Pendidikan, UKM.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying, Sharifah Fakhriah Syed Ahmad & Zuraidah A. Majid. (2010). *Guru dan Cabaran Semasa*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Nor Razah. (2006). Aplikasi penyoalan lisan dalam kalangan guru bahasa Melayu MRSM, Pontian: satu kajian kes. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, UKM.
- Omar Abdull Kareem & Khuan Wai Bing (2005). Perkembangan Profesional Guru Secara Berterusan: Perspektif Pembangunan Sumber Manusia. *Jurnal Pendidikan*, Diperoleh Jun 3,2010 from <http://myais.fsktm.um.edu.my/49991/>
- Oude Groote Beverborg, A. (2015). Fostering sustained teacher learning. Co-creating purposeful and empowering workplaces. Enschede: University of Twente.
- Pearson, I. (1988). Tests as levers for change. In D. Chamberlain & R. J. Baumgardner (Eds.), *ESPM in the classroom: Practice and evaluation* (pp. 98-107). London: Modern English.
- Piaget, J. (1971a). Developmental stages and developmental processes. In D. R. Green, M. P. Ford, & G. B. Flamer (Eds.), *Measurement and Piaget* (pp. 172-188). New York: McGraw-Hill.
- Piaget, J. (1971b). The theory of stages in cognitive development. In D. R. Green, M. P. Ford, & G. B. Flamer (Eds.), *Measurement and Piaget* (pp. 1-11). New York: McGraw-Hill.
- Parwazalam Abdul Rauf dan rakan. (2017). Peerhubungan antara model guru pembangunan profesional dan praktek arahan guru di kelompok dalam sekolah utama dalam negeri Selangor Malaysia, *Jurnal Antarabangsa Pendidikan, {sikologi dan Kaunseling*, 2(5), 120 – 132.
- Paul Suparno. 1997. *FilsafatKonstruktivismedalam Pendidikan*. Yogyakarta : Kanisius.
- Pavlou, P.A., Liang, H., & Xue, Y. (2007). Understanding and mitigating uncertainty in online exchange relationships: A princila – agent perspective. *MIS Quarterly*, 31(2), 1-32.
- Patton, M.Q. 1987. *Qualitative Evaluation Methods*. Beverly Hills: Sage Publications. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). *Belajar cara belajar*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Philip Hallinger, Patnaree Piyaman, & Pongsin Viseshsiri. (2017), *Teaching and Teacher Education (Menilai Kesan Kepimpinan Berpusatkan Belajar Terhadap Pembelajaran Profesional Guru di Thailand)*, Mahidol University, Thailand.
- Ravhuhali, Fhatuwani&Kutame, Philip &Mutshaeni, H.N.. (2015). *Teachers' Perceptions of the Impact of Continuing Professional Development on Promoting Quality Teaching and Learning*. *International Journal of Educational Sciences*. 10. 1-7. 10.1080/09751122.2015.11890332.
- Roberts, S. M., & Pruitt, E.Z. (2009). *Schools as professional learning communities: Collaborative activities and strategies for professional development*. Thousand Oaks: Corwin Press.
- Runhaar, P.R. (2008). Promoting teachers' pprofessional development. Enschede: University of Twente.
- Sa'ari, J.R., Wong, S.L., & Roslan, S. (2005a). *In-service teachers' views toward technolgy leadership and teaching and their perceied comppetene toward information Technology (IT)* *Jurnal Teknologi*, 43(E), 1-14.
- Simposium TIMSS & PISA Peringkat Kebangsaan. (2017), Petaling Jaya.
- Sukiman Saad, Noor Shah Saad, & Mohd Uzi Dollah (2012) *Pengajaran Kemahiran Berfikir: persepsi dan*

- amalan guru matematik semasa pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah*. Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia, Vol.2, No.1 ISSN-0393.
- Siti Hajar Halili & Suguneswary (2016). *Penerimaan Guru Terhadap Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Berasaskan Model TAM dalam Pengajaran Mata Pelajaran Bahasa Tamil*. Universiti Malaya.
- S. Supramani. (2006). *Penyoalan Guru: Pemangkin Pemikiran Aras Tinggi Murid*, Universiti Malaya.
- Sparks, D. (2012). *Designing powerful professional development for teachers and principals*, Oxford, OH: National Staff Development Council.
- Thoonen, E.E., Slegers, P.J., Oort, F.J., & Peetsma, T.T. (2012). Building school-wide capacity for improvement: the role of leadership, school organizational conditionals, and teacher factors. *School effectiveness and school improvement*, 23(4), 441-460.
- Ting, S.T. (2007). *ICT usage among teacher in the District of Sarikei Secondary School*, Sarawak (Un published Master's Thesis, University of Malaya, Kuala Lumpur.)
- Torrey Trust, Jeffrey Paul Carpenter & Daniel G. Krutka. (2017). *Moving Beyond Silos: The Internet and Higher Education*, Highland Street, Denton.
- Tufan Adiguzel, Robert M. Capraro, & Victor L. Willson (2011). *An Examination of Teacher Acceptance of Handheld Computers*, A & M University.
- Varol, (2013). Elementary school teachers with teaching with technology. *The Turkish Online Journal of Educational Techonolgy*, 12. (3), 8-90.5
- Vijayaletmy Muniyandy & Selvam Narayanasamy. (2015). *Pengajaran Dan Pembelajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Di Sekolah Menengah: Tinjauan Terhadap Pengetahuan Guru-guru Tentang KBAT dan Pelaksanaannya*, Open University Malaysia.
- Vroom. V (1964). *Work and Motivation*, New York: Wiley.
- Wadsworth, B. J. (1989). Piaget's theory of cognitive and affective development. New York: Longman.
- Will Wai-Kit Ma, Robert Andersson & Karl-Oskar Streith (2005). *Examining User Acceptance of Computer Technology: An Empirical Study of Student Teachers*, Skovde, Sweden.
- YR Subakti. (2010). Paradigma Pembelajaran Sejarah Berbaris Konstruktivisme, Program Studi Pendidikan Sejarah FKIP –Universitas Sanata, Dharma, Yogyakarta.
- Yuen, A.K., & Ma, W.K. (2002). Gender differences in teacher computer acceptance. *Journal of Technology and Teacher Education*, 10, 365-382.
- Zainudin Abu Bakar dan rakan (2007). Kemahiran ICT guru pelatih UTM Prosiding Seminar Kebangsaan JPPG 2007. 18 – 20 November 2007. Royal Adelpi, Seremban.
- Zamri. (2014). Inovasi P & P dalam pendidikan Bahasa Melayu. Cetakan ketiga, Tanjung Malim: Penerbitan UPSI.
- Zarina Abdul Rashid. (2016). *Tahap Kesiediaan Guru Dalam Aspek Pengetahuan Keperluan Latihan Berfokuskan Aplikasi KBAT: Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*